

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)33**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB. GOOI ZI SEN**

33. Ahli Parlimen Pakatan Harapan Pulau Pinang.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan menyalurkan bantuan dan peruntukan kepada Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Harapan susulan daripada perubahan pentadbiran Kerajaan Persekutuan?
  - (b) Apakah prestasi penggunaan peruntukan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pembangkang yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri setakat kini?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

33. (a) Ya, Kerajaan Negeri akan menyalurkan bantuan dan peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan sekiranya perlu berikutan perubahan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan ia tertakluk kepada kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- (b) YB ADUN Pembangkang telah menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM60,000.00 seorang bagi pelaksanaan projek di KADUN masing-masing bagi tahun

2019 dan juga 2020. Prestasi perbelanjaan peruntukan tersebut bagi tahun 2019 adalah seperti di **Lampiran A**.

**PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN P16 (02) ADUN PEMBANGKANG  
BAGI TAHUN 2019**

ADUN	P16 (02)		
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi Perbelanjaan (%)
Penaga	60,000.00	59,637.00	99.40
Permatang Berangan	60,000.00	60,000.00	100.00
Sungai Dua	60,000.00	59,982.00	99.97

**PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN P16 (02) ADUN PEMBANGKANG  
BAGI TAHUN 2020 (SETAKAT FEBRUARI 2020)**

ADUN	P16 (02)		
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi Perbelanjaan (%)
Penaga	60,000.00	0.00	0.00
Permatang Berangan	60,000.00	0.00	0.00
Sungai Dua	60,000.00	0.00	0.00